



MAJLIS DAERAH LABIS

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat - Syarikat BUMIPUTERA yang dinyatakan dan berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) di bawah tajuk/kod bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BIL	BUTIR – BUTIR TAWARAN	TAJUK BEKALAN / PERKHIDMATAN	KEMENTERIAN KEWANGAN / KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	No. Sebut Harga : MDL/ 08 / 2025 / P / S	Perkhidmatan Sewaan Dan Penyelenggaraan Tiga (3) Unit Mesin Penyalin (Fotostat) Di Majlis Daerah Labis	Kementerian Kewangan – Tajuk Kod : Kod 221502 - (Perkhidmatan Penyewaan dan Pengurusan Mesin dan Peralatan Pejabat)	RM 30.00

2. Dokumen tawaran boleh didapati mulai **10 DISEMBER 2025 (RABU)** hingga **16 DISEMBER 2025 (SELASA)** pada hari dan waktu seperti berikut :

Hari	Waktu
Isnin hingga Jumaat (Kecuali cuti umum)	8.00 pagi hingga 3.30 petang 1.00 tengahari – 2.00 petang (rehat Isnin hingga Khamis) 12.15 tengahari – 2.45 petang (rehat Jumaat)

di kaunter Pejabat Majlis Daerah Labis dengan nilai bayaran seperti di atas dalam bentuk draf bank/kiriman wang pos (money order)/wang kiriman pos berpaling (postal order) atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Labis. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh itu. Dokumen Sebutharga boleh didapati di laman web www.mdlabis.gov.my dan cetakan Dokumen Sebutharga akan dibuat sendiri oleh Penyebut harga.

3. Penyebut harga yang berminat memasuki sebutharga adalah dikehendaki mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan), Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan), Sijil Pendaftaran SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia) yang ASAL, Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate TCC), Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST 8%) – (jika ada), dan Kad Pengenalan Pemilik. Hanya pemilik sah yang didaftarkan di dalam SSM sahaja dibenarkan untuk berurusan dan membeli dokumen tawaran sebutharga. Pemilik sah **TIDAK DIBENARKAN** menghantar wakil samada menggunakan surat wakil atau surat kuasa untuk urusan ini.

4. Penyebut harga perlu mengemukakan tawaran harga dan tawaran teknikal dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi bekalan dan perkhidmatan serta dinyatakan tajuk sebutharga yang berkenaan di atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Pejabat Majlis Daerah Labis, 85300 Labis, sebelum atau pada 16 DISEMBER 2025 (SELASA) sebelum jam 12.00 tengahari.

5. Syarikat yang tidak mendapat apa – apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.



(MOHD FARUL BIN SURIAN)
YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH LABIS